

BH 24/12

Ringgit ditutup tinggi sedikit berbanding dolar AS semalam, berikutan minat belian sederhana menjelang cuti Krismas pada hujung minggu, kata peniaga.

Pada jam 6 petang, unit tempatan itu diniagakan 4.4725/4755 berbanding dolar US daripada 4.4740/4770 pada Khamis.

Peniaga berkata, dolar AS susut berbanding mata wang utama lain seperti yen selepas menerima tekanan berterusan ketika penggiat pasaran mengambil untung berikutan data ekonomi AS yang positif baru-baru ini.

“Kami melihat sedikit peningkatan dalam selera risiko untuk ringgit ketika penyusutan dolar,” katanya.

Berbanding mata wang utama lain, ringgit bagaimanapun diniagakan keseluruhannya lebih rendah.

Ia menurun berbanding dolar Singapura kepada 3.0934/0959 daripada 3.0879/0908 pada Khamis, merosot berbanding yen kepada 3.8112/8145 daripada 3.8028/8079 dan jatuh berbanding euro kepada 4.6751/6800 daripada 4.6718/6767 semalam.

Bagaimanapun, ringgit meningkat berbanding pound Britain kepada 5.4904/4946 daripada 5.5178/5219 pada Khamis.

BERNAMA